

Penduduk cemas air naik mendadak dalam masa lima minit

Banjir terburuk sejak 30 tahun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
yunus.yakkub@kosmo.com.my

AMPANG JAYA – Penduduk di Kampung Bukit Sungai Puteh dan Kampung Lembah Jaya Utara di sini menyifatkan banjir yang melanda kawasan tersebut malam kelmarin sebagai yang terburuk sejak 30 tahun lalu.

Penduduk mendakwa, banjir yang turut membawa lumpur itu berlaku ekoran empangan takungan air di Hutan Rekreasi Rimba Ampang tidak mampu menampung lebihan air hujan yang melanda hampir tujuh jam malam kelmarin.



Banjir

Dalam kejadian bermula kira-kira 730 malam itu, hampir 230 buah rumah

terjejas menyebabkan sebanyak 425 mangsa terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara di Surau Ehsaniah yang terletak berdekatan kampung berkenaan.

Menurut seorang mangsa, Julia Mohd. Yusoff, 31, semasa kejadian dia bersama 10 ahli keluarganya sedang menikmati makan malam.

“Air naik dengan begitu mendadak, tidak sampai lima minit sudah mencecah paras leher.

“Keadaan itu menyebabkan kami hanya sempat menyelamatkan diri sahaja,” kata-



MUHAMMAD SHALIHIN BAKHTIAR, 16, mengutip buku-bukunya yang dihanyutkan banjir di Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang Jaya semalam.

nya yang memberitahu mengalami kerugian lebih RM25,000 akibat banjir tersebut.

Seorang lagi mangsa, Nur Ainn Burhan Aris, 23, berkata, tembok rumahnya roboh berikutan kediamannya yang terletak bersebelahan dengan sungai.

“Masa itu, hanya Tuhan sahaja yang tahu betapa bimbang saya yang terpaksa menyelamatkan diri dengan mendukung anak berusia lapan bulan.

“Lebih teruk penduduk sukar mencari jalan keluar memandangkan jambatan menghubungkan kampung kami roboh,” katanya.

Seorang warga emas, Abu Nor Thambi, 62, pula menyifatkan banjir tersebut sebagai yang terburuk berlaku di kampung berkenaan sejak 30 tahun lalu.

“Keadaan air banjir tidak ubah seperti laut kerana semua rumah dinaiki air,” ceritanya yang menetap di situ sejak hampir



KEADAAN sebuah teksi yang dihanyutkan banjir di Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang Jaya semalam.

50 tahun lalu.

Sementara itu, di **Hulu Langat**, seramai 1,350 penduduk terpaksa dipindahkan sejak pukul 11 malam kelmarin melibatkan tujuh pusat pemindahan.

Bagaimanapun sehingga lewat petang semalam, enam daripada tujuh pusat pemindahan itu telah ditutup kecuali 666 mangsa yang masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai.

Tertimbus selepas bantu bapa angkat pakaian di ampaian

Oleh KHAIRI MOHAMAD
khairi.mohamad@kosmo.com.my

TANAH MERAH – Mangsa yang terbunuh dalam kejadian tanah runtuh di perumahan kakitangan awam Jalan Belfield, Kuala Lumpur, malam kelmarin, Raja Muhammad Irfan Raja Hazlan, (**gambar kecil**) 13, terperangkap di bawah runtuhan selepas membantu bapanya mengangkat baju di ampaian yang terletak di belakang rumah.



Menurut bapa mangsa, Raja Hazlan Raja Hussain, 46, sebelum kejadian kira-kira pukul 9.20 malam itu, dia bersama-sama Raja Muhammad Irfan berada di bahagian belakang rumahnya untuk mengangkat pakaian di ampaian.

“Selepas saya angkat semua pakaian, saya beri pada dia (Raja Muhammad Irfan) untuk dibawa ke ruang tamu

dan saya masih di bahagian belakang rumah, tiba-tiba anak saya itu datang semula dan berdiri di sebelah saya.

“Ketika itu hujan sangat lebat dan tiba-tiba saya tengok tanah bukit di bahagian belakang rumah saya mula menggelongsor menyebabkan saya terus lari masuk ke dalam rumah.

“Masa itu saya sempat pegang tangan Raja Muhammad Irfan tetapi tak sempat menariknya kerana tanah tersebut menimbunya dengan cepat dan anak saya tersepit di bahagian pintu dapur rumah,”

ceritanya ketika ditemui di rumah keluarganya di Kampung Bongor, Bukit Merah dekat sini semalam.

Raja Hazlan yang merupakan kakitangan awam di Bahagian Siasatan Jenayah, Bukit Aman berkata, dalam keadaan cemas itu dia cuba menggali menggunakan tangan



KAWASAN kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan Raja Muhammad Irfan maut di Jalan Belfield, Kuala Lumpur semalam.

untuk mengeluarkan anaknya namun tidak berjaya sebelum mendapatkan bantuan daripada jiran-jiran dan menghubungi pihak bomba.

“Kami tiba di sini (Tanah

Merah) kira-kira pukul 10.30 pagi dan jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Belimbing, dekat sini sejam kemudian,” jelasnya.

Banjir turut melanda Kedah, Negeri Sembilan

ALOR SETAR – Seramai 180 penduduk di 12 buah kampung di Changlun dipindahkan ke dua pusat pemindahan banjir sehingga pukul 5 petang semalam.

Pegawai Kebajikan Daerah Kubang Pasu, Mohd. Shabbri Othman ketika dihubungi berkata, pusat pemindahan Dewan Orang Ramai Kampung Masjid Sungai Laka kini menempatkan 31 keluarga melibatkan 112 orang manakala Dewan Orang Ramai Kampung Kubang Betong menempatkan 17 keluarga melibatkan 68 orang.

Menurut beliau, antara kampung yang terjejas ialah Kampung Paya Nongmi, Kampung Belakang Pasar Changlun, Kampung Padang Pasir, Kampung Masjid dan sekitar Pekan Changlun Lama yang dinaiki air hampir satu meter.

“Kita telah memberi bantuan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan seperti makanan, minuman, selimut, tikar dan kain telekung,” katanya.

Di **Seremban**, sebanyak 189 mangsa banjir di Blok 19, Felda Jelai 4, Gemas, terpaksa dipindahkan kira-kira pukul 11 malam kelmarin apabila rumah mereka dinaiki air sedalam satu meter.